

4) RUMAH TERBENGKALAI

Adun : Y.B. Tuan Dr Gunarajah A/L R George (N48 Sentosa)

Kategori : Bertulis

Sesi : 3 (2024)

Sub soalan :

- a) Apakah status pemaju rumah terbengkalai di Sentosa bagi tahun 2024?
Susulan soalan dan jawapan pada tahun 2023 sesi 1 soalan No. 41.**

Untuk makluman Yang Berhormat, berikut merupakan status pemaju rumah terbengkalai di Sentosa bagi tahun 2024 :

Bil.	Projek	Pemaju	Status Pemaju
1.	Cadangan membina 36 unit rumah murah teres setingkat di atas Lot PT 60873-6088 dan 10 unit rumah murah setingkat di atas Lot PT 60870-60872, 60886-60888, 60982, 60998 & 60999 (Lot asal 10509), Jalan Dato Dagang 6, Taman Sentosa, Klang, Selangor	Tetuan Jenfort Industrial Sdn. Bhd.	1. Pemaju masih aktif 2. <u>Terkini</u> : Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang bermesyuarat pada 31 Mei 2023 dan telah disahkan oleh MMKN Ke 15/2023 pada 7 Jun 2023 telah menimbangakan dan meluluskan rayuan meminda komponen pembangunan RKR kepada Rumah Selangorku di atas hakmilik HSD 57670 hing HSD 57799, PT 60870 hingga PT 60999 (Lot asal 10509), Mukim Klang
2.	Cadangan pembinaan 30 unit rumah teres 2 tingkat kos rendah berukuran 16'x55' di atas Lot PT 69552-PT 69566, PT 69597- PT 69611 (Lot asal 35651) Jalan Sentosa 6 & Lorong Sentosa 6D, Jalan Batu Unjur (Jalan Kim Chuan) KS5, Klang, Selangor	Tetuan Commongold Services (M) Sdn. Bhd.	1. Pemaju masih aktif 2. <u>Terkini</u> : Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang bermesyuarat pada 14 Disember 2022 dan telah disahkan oleh MMKN Ke 33/2022 pada 14 Disember 2022 telah menimbangakan dan meluluskan rayuan meminda komponen Rumah Teres Kos Rendah kepada Rumah Teres Selangorku Jenis D di atas hakmilik GRN 107021 hingga GRN 107029 Lot

			84824 hingga Lot 84832, GRN 107049 hingga GRN 107059 Lot 84843 hingga Lot 84853, GRN 107145 hingga GRN 107154 Lot 84833 hingga Lot 84842, Persiaran Batu Nilam, Mukim Klang.
3.	Cadangan 30 unit rumah teres 2 tingkat kos rendah berukuran 16'x55' di atas Lot PT 69552-69566, PT 69597-69611 (Lot asal 35651), Jalan Sentosa 6D & Lorong Sentosa 6D, Jalan Batu Unjur (Jalan Kim Chuan) KS5, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	Tetuan KLS Housing Sdn. Bhd.	1. Pemaju masih aktif 2. Tiada sebarang perkembangan / aktiviti yang signifikan untuk dilaporkan.

b) Anggaran masa bagi menyelesaikan masalah ini sepenuhnya?

Untuk makluman Yang Berhormat, tempoh masa bagi menyelesaikan ketiga-tiga projek bergantung kepada komitmen pihak pemaju dalam mendapatkan kelulusan pembangunan daripada Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui LPHS akan sentiasa memantau perkembangan terkini pihak pemaju dari masa ke semasa disamping menjadi pemudah cara sekiranya dapat membantu mempercepatkan proses mendapatkan kelulusan pembangunan.